

# NUS raih kembali kedudukan sebagai varsiti utama Asia

UNIVERSITI Nasional Singapura (NUS) telah merebut semula kedudukannya sebagai universiti utama Asia tahun ini, selepas tewas kepada Universiti Teknologi Nanyang (NTU) tahun lalu.

Dalam Penyenaraian Universiti Sedunia Quacquarelli Symonds (QS) semalam, NUS naik ke tangga 11 berbanding 15 tahun lalu, manakala NTU kembali ke tangga 12.

Universiti Pengurusan Singapura (SMU) pula di tempat ke-500, menurut laporan *The Straits Times*.

Institut Teknologi Massachusetts (MIT) kekal mendahului senarai buat tujuh tahun berturut-turut.

Penyenaraian itu adalah berdasarkan enam kriteria prestasi bagi menilai kekuatan sebuah universiti dalam kajian, pengajaran, daya dapat pekerjaan dan pengantarabangsaan.

Menurut QS, kedudukan NUS meningkat kerana prestasi kajiannya yang lebih baik.

NUS juga mengekalkan kedudukannya di tempat ke-11 di dunia dari segi reputasi akademik, satu petanda yang berdasarkan pendapat pakar daripada lebih 83,000 ahli akademik di serata dunia.

Ita mencapai pemarkahan ke-18 terbaik di dunia bagi reputasi maji-

kan, yang berdasarkan pandangan lebih 42,000 majikan tentang mutu graduan institusi.

Tetapi NTU mengekalkan statusnya sebagai institusi kajian paling kukuh di Singapura, dengan muncul di tangga ke-47 di dunia.

Pengarah Kajian QS, Encik Ben Sowter, menjelaskan lebih lanjut tentang dua institusi utama Singapura itu:

“Sebagai sebuah negara muda yang memiliki hanya 5.6 juta penduduk dan menjadi tuan rumah kepada dua daripada 15 institusi terkemuka di dunia, ia adalah sesuatu yang memang luar biasa.

“Jika mereka boleh bekerjasama, nampaknya kedua NUS dan NTU boleh mencapai banyak secara bersama.”

Mengenai NUS, beliau berkata universiti itu telah memperkuuh profil kajiannya untuk naik empat tangga dalam penyenaraian tahun ini.

Beliau juga memuji NTU kerana kekal sebagai antara 15 institusi terkemuka di dunia meskipun ia sebuah universiti yang muda.

Presiden NUS, Encik Tan Eng Chye, berkata universiti itu membezakannya daripada yang lain dalam bidang akademik mahupun reputasi majikan dan terus merangsang prestasi kajian.




Foto fail